

**DASAR PENERBITAN DAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN  
PENERBITAN BAGI PEJABAT KARANG MENGARANG (PENERBIT UPSI)**

Merangkumi perkara berikut:

- a) Dasar dan kadar bayaran royalti bagi buku bercetak dan buku elektronik.
- b) Dasar dan kadar diskaun jualan buku karya asli.
- c) Dasar dan kadar bayaran perkhidmatan terjemahan, penyuntingan dan pembacaan prof.
- d) Dasar penerbitan buku elektronik (*E-book* dan *Audiobook*) bagi buku karya asli.
- e) Dasar penetapan kuantiti dan pembahagian naskhah seranta.
- f) Dasar dan penetapan harga buku bercetak dan elektronik karya asli dan buku *Publication on Demand (POD)*.
- g) Dasar dan kadar bayaran penerbitan buku seperti penilaian buku, terjemahan buku, suntingan buku, prof buku, atur huruf buku, rekaan kulit buku, penulisan, penaipan buku, pendigitalan *E-book*, pengaudioan *Audiobook* dan ilustrator/pelukis bebas bagi buku terbitan PKM.
- h) Dasar dan kadar pembayaran penerbitan atas talian jurnal UPSI.

**SEMAKAN SEMULA PENETAPAN DASAR DAN KADAR PKM**

- 4.1 Cadangan pindaan dan cadangan baru adalah seperti berikut, manakala perincian kepada setiap pindaan adalah seperti pada **Lampiran B** hingga **Lampiran H**.

Bil.	Perkara	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru	Perincian Pindaan
1	<b>Dasar dan Kadar Bayaran Royalti</b>			
	<b>a) Kadar bayaran</b>	1) <i>Buku bercetak:</i> 16% daripada harga buku cetakan pertama dan edisi DAN 16% daripada harga diskaun buku semasa jualan cetakan kedua dan seterusnya	1) <i>Buku bercetak:</i> 16% ATAU 10% daripada hasil pendapatan jualan buku selepas diskaun (jika ada)	Lampiran B
		2) <i>E-book:</i> 16% daripada harga langganan <i>E-book</i>	2) <i>Buku Elektronik (E-book dan Audiobook)</i> 16% ATAU 10% daripada hasil jualan <i>E-book</i> atau <i>Audiobook</i> selepas ditolak dengan agihan	

Bil.	Perkara	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru	Perincian Pindaan
			pendapatan Syarikat Agregator (jika ada)	
	<b>b) Tempoh bayaran</b>	1) <i>Buku bercetak:</i> Dibayar 2 kali setahun iaitu Jun dan Disember	3) Kadar bayaran ini akan diguna pakai untuk semua buku bercetak dan elektronik yang belum dibayar royalti.  1) <i>Buku bercetak:</i> Dibayar sekali dalam setahun	
		2) <i>E-book:</i> Dibayar sekali dalam setahun	2) Buku elektronik ( <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> ) Dibayar sekali dalam setahun	
			3) Tempoh bayaran ini akan diguna pakai untuk semua buku bercetak dan elektronik yang belum dibayar royalti.	
	<b>c) Royalti bagi buku tidak terjual</b>	Tiada	Tiada pembayaran royalti bagi buku tidak terjual setelah kaedah jualan runtuh (diskaun 70-90%), jualan gudang (diskaun 95%) dan pelupusan dilaksanakan.	
2	<b>Diskaun jualan buku bercetak dalam Negara</b>	1) 15% - 70% (Buku Baru)	1) Buku Baru dan Buku Sedia Ada: 20% - 60%	Lampiran C
		2) 15% - 40% (Buku Sedia Ada)	2) Buku yang Tidak Terjual:  a) Jualan Murah: 60% b) Jualan Runtuh: 70 - 90% c) Jualan Gudang: 95% d) Pelupusan	
			3) Tiada pembayaran royalti bagi buku tidak terjual setelah kaedah jualan runtuh (70-90%), jualan gudang (95%) dan pelupusan dilaksanakan.	

Bil.	Perkara	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru	Perincian Pindaan
			<p>4) Pindaan juga dibuat kepada jenis pelanggan, jenis diskaun dan kategori buku (Rujuk Lampiran C)</p> <p>5) Kadar diskaun ini juga boleh digunakan mengikut kesesuaian bagi jualan buku elektronik (<i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i>) yang dijual sendiri oleh PKM tanpa melalui syarikat agregator.</p>	
3	<p><b>Dasar dan Kadar Perkhidmatan terjemahan, penyuntingan dan pembacaan pruf</b></p> <p><b>a) Kadar bayaran</b></p> <p><b>b) Tempoh masa dan jenis bahan perkhidmatan</b></p>	<p>1) Penyuntingan RM 0.10 setiap perkataan (BI &amp; BM)</p> <p>2) Terjemahan RM 0.10 setiap perkataan (BM - BI) RM 0.12 setiap perkataan (BI - BM)</p> <p>3) Pruf RM 4.00 hingga RM80.00 setiap 100 hingga 300 patah perkataan (Rujuk Lampiran D)</p> <p>1) Tempoh masa bergantung kepada jenis bahan perkhidmatan: Buku (30 hari), Artikel Jurnal (4 hari), Abstrak (2</p>	<p>1) Penyuntingan RM 0.20 setiap perkataan (BI – BM &amp; BM – BI) RM 0.40 setiap perkataan (BI/BM – Bahasa Asing)</p> <p>2) Terjemahan RM 0.20 setiap perkataan (BI – BM &amp; BM – BI) RM 0.40 setiap perkataan (BI/BM – Bahasa Asing)</p> <p>3) Pruf RM 5.00 hingga RM 85.00 (BI – BM &amp; BM – BI) dan (BI/BM – Bahasa Asing) bagi setiap 200 hingga 1000 patah perkataan (Rujuk Lampiran D).</p> <p>1) Tempoh masa perkhidmatan tidak ditetapkan kerana ia bergantung kepada jenis bahan dan keperluan.</p>	Lampiran D

Bil.	Perkara	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru	Perincian Pindaan
		hari), Risalah/ Brosur/Sijil/ Borang (2 hari)	2) Kadar adalah sama bagi semua jenis bahan perkhidmatan.	
	<b>c) Kadar bayaran perkhidmatan penterjemah bebas</b>	PKM akan mengambil 25% keuntungan daripada pembayaran kepada penterjemah bebas.	PKM akan mengambil 5% atau 15% keuntungan daripada pembayaran kepada penterjemah bebas bergantung kepada kategori penterjemah bebas.	
4	<b>Dasar Penerbitan Buku Elektronik (<i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i>)</b>			Lampiran E
	<b>a) Pembahagian pendapatan</b>	1) Pembahagian pendapatan harga langganan: a) UPSI (70%) <ul style="list-style-type: none"> <li>• UPSI: 10%</li> <li>• Penulis: 16%</li> <li>• Akaun Amanah PKM: 54%</li> </ul> b) Syarikat Agregator (30%)	1) Pembahagian pendapatan hasil jualan selepas ditolak dengan agihan pendapatan Syarikat Agregator: a) Penulis (royalti): 10% atau 16% b) Akaun Amanah Buku: 84% atau 90%  2) Agihan pendapatan Syarikat Agregator adalah mengikut perjanjian penerbitan dengan Syarikat Agregator.	
	<b>b) Harga Langganan</b>	1) Perpustakaan: Harga runcit <i>E-book</i> dua kali ganda daripada buku fizikal.  2) Organisasi: Harga runcit <i>E-book</i> dua kali ganda daripada buku fizikal 3) Individu: 20% lebih murah dari harga runcit buku fizikal	1) Perpustakaan: Harga jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> dua kali ganda daripada harga <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> yang ditetapkan.  2) Organisasi: Harga jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> dua kali ganda daripada harga <i>E-book/ Audiobook</i> yang ditetapkan. 3) Individu: Harga jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> adalah bergantung kepada diskaun yang bersesuaian (Rujuk Lampiran C)	
	<b>c) Lain-lain pindaan dasar buku elektronik</b>	Rujuk Lampiran E	Pindaan juga dibuat ke atas pemilihan judul, surat persetujuan penerbitan, royalti dan akaun amanah (Rujuk Lampiran E)	
5	<b>Dasar Naskhah Seranta</b>			

Bil.	Perkara	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru	Perincian Pindaan
	<i>(Definisi naskhah seranta adalah naskhah yang diberi secara percuma kepada pihak yang berkenaan)</i>			Lampiran F
	<b>a) Kuantiti</b>	5% daripada jumlah cetak bagi buku terbitan baru	30 naskhah bagi setiap buku bercetak terbitan baharu tanpa mengambil kira kuantiti cetakan.	
	<b>b) Pembahagian</b>	1) 5 naskhah kepada penulis 2) 5 naskhah kepada perpustakaan negara 3) Selebihnya digunakan untuk tujuan promosi	1) 5 naskhah kepada penulis 2) 5 naskhah kepada Perpustakaan Negara Malaysia 3) 3 naskhah kepada Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI 4) 1 naskhah kepada RMIC (MyRA) 5) 1 naskhah untuk simpanan PKM 6) Selebihnya digunakan untuk tujuan promosi/hadiah/ pencalonan anugerah	
6	<b>Dasar dan Penetapan Harga Buku</b>			Lampiran F
	<b>a) Harga buku karya asli</b>	1) Buku a) Buku Baru (dengan royalti): 2.7 x kadar margin kos cetakan  Buku Baru (tiada royalti): 2.0 x kadar margin kos cetakan  b) Buku sedia ada (dengan royalti): 3.3 x kadar margin kos cetakan  Buku sedia ada (dengan royalti): 3.0 x kadar margin kos cetakan	1) Buku Karya Asli Bercetak  a) Buku Baru (dengan royalti dan tiada royalti): 1.5, 2.0, 2.5, 3.0, 3.5 atau 4.0 x kadar margin per kos cetakan  b) Penetapan margin bergantung kepada sebutharga pembekal, spesifikasi buku, kualiti kandungan, kebolehpasaran buku dan bidang buku.  c) Harga buku dibundarkan kepada jumlah nilai puluh lima genap yang terdekat (Contoh: RM10, RM15, RM20, RM25, RM40)  d) Buku sedia ada (dengan royalti dan tanpa royalti): harga buku adalah kekal seperti harga asal buku.	

Bil.	Perkara	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru	Perincian Pindaan
			<p>e) Harga buku ulang cetak akan ditetapkan semula jika kos semasa ulang cetak menyamai atau melebihi harga asal buku.</p> <p>2) Buku karya asli elektronik (<i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i>)</p> <p>a) Harga buku <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> adalah 20% lebih rendah daripada harga buku bercetak.</p> <p>b) Bagi <i>E-book</i> tanpa buku bercetak, harga <i>E-book</i> adalah 1% daripada kos keseluruhan penerbitan <i>E-book</i> (kos keseluruhan penerbitan <i>E-book</i> merangkumi kos penilaian manuskrip, suntingan, bacaan prof, atur huruf, rekaan kulit buku dan kos pendigitalan <i>E-book</i>)</p> <p>c) Bagi <i>Audiobook</i> tanpa buku bercetak, harga <i>Audiobook</i> adalah 1% daripada kos keseluruhan penerbitan <i>Audiobook</i> (kos keseluruhan penerbitan <i>Audiobook</i> merangkumi kos penilaian manuskrip, suntingan, bacaan prof, atur huruf, rekaan kulit buku, pendigitalan dan kos pengaudioan <i>Audiobook</i>).</p>	
	<p><b>b) Harga/ perkhidmatan penerbitan buku <i>Publication on Demand (POD)</i></b></p>	<p>1) Buku <i>POD</i> bercetak</p> <p>Harga penerbitan buku <i>POD</i> ditetapkan berdasarkan kepada kadar bayaran kerja-kerja penerbitan termasuk kos suntingan, bacaan prof, atur huruf, rekaan kulit buku dan kos cetakan.</p>	<p>1) Buku <i>POD</i> bercetak</p> <p>a) Harga buku baru dan ulang cetak: 1.5, 2.0 atau 2.5 x kadar margin per kos cetakan.</p> <p>b) Penetapan margin bergantung kepada sebutharga spesifikasi pembekal buku,</p>	

LAMPIRAN 26

Bil.	Perkara	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru	Perincian Pindaan
			<p>kompleksiti teks dan persetujuan antara penulis dan PKM.</p> <p>c) Harga buku <i>POD</i> dibundarkan kepada jumlah julat terdekat tanpa nilai sen tetapi tidak boleh kurang daripada kadar margin per kos cetakan.</p> <p>d) Harga buku <i>POD</i> akan ditetapkan semula bagi setiap cetakan.</p> <p>e) Harga jualan buku <i>POD</i> ditetapkan oleh penulis. PKM tidak terlibat dan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang isu berkaitan penetapan harga jualan buku <i>POD</i>.</p> <p>2) <i>E-book</i> buku <i>POD</i> tanpa buku bercetak</p> <p>a) Harga perkhidmatan <i>E-book</i> buku <i>POD</i> ditetapkan berdasarkan kepada kadar semasa perkhidmatan penerbitan PKM termasuk kos suntingan, bacaan prof, atur huruf, rekaan kulit buku dan kos pendigitalan <i>E-book</i>.</p> <p>b) Penulis perlu mencari sendiri aggregator/ platform di mana <i>E-book POD</i> akan dipapar atau dijual.</p> <p>c) Harga jualan <i>E-book POD</i> ditetapkan oleh penulis. PKM tidak terlibat dan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang isu berkaitan penetapan harga jualan <i>E-book POD</i>.</p> <p>3) <i>Audiobook</i> buku <i>POD</i> tanpa buku bercetak</p>	

Bil.	Perkara	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru	Perincian Pindaan
			<p>a) Harga perkhidmatan <i>Audiobook</i> buku <i>POD</i> ditetapkan berdasarkan kepada kadar semasa perkhidmatan penerbitan PKM termasuk kos suntingan, bacaan prof, rekaan kulit buku, pendigitalan dan kos pengaudioan <i>Audiobook</i>.</p> <p>b) Penulis perlu mencari sendiri aggregator/ platform di mana <i>Audiobook POD</i> akan dipapar atau dijual.</p> <p>c) Harga jualan <i>Audiobook POD</i> ditetapkan oleh penulis. PKM tidak terlibat dan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang isu berkaitan penetapan harga jualan <i>Audiobook POD</i>.</p> <p>4) <i>E-book</i> buku <i>POD</i> dengan buku bercetak: Harga hanya merangkumi kos pendigitalan <i>E-book</i>.</p> <p>5) <i>Audiobook</i> buku <i>POD</i> dengan buku bercetak: Harga hanya merangkumi kos pengaudioan <i>Audiobook</i></p>	
	<b>c) Harga modul</b>	<p>1) Buku modul teknikal (RM1.00 margin untung penerbit)</p> <p>2) Buku modul umum (RM2.00 margin untung penerbit)</p>	<p>1) Digugurkan kerana modul teknikal dikategorikan sebagai buku <i>POD</i>.</p> <p>2) Digugurkan kerana modul umum dikategorikan sebagai buku <i>POD</i>.</p>	
	<b>d) Makluman harga di kulit buku</b>	<p>1) Harga buku diletakkan di muka surat hak cipta</p>	<p>1) Harga buku diletakkan di belakang kulit buku karya asli sahaja.</p>	



Bil.	Perkara	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru	Perincian Pindaan
			2) Harga buku <i>POD</i> tidak diletakkan di kulit buku kerana harga jualan ditentukan sendiri oleh penulis. PKM tidak terlibat dan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang isu berkaitan penetapan harga jualan buku <i>POD</i> .	
	e) Harga buku dan diskaun di pesta buku luar negara	1) Harga buku dijual di Malaysia ditukarkan kepada kadar mata wang asing + <i>mark up</i> 20%.	1) Harga buku dijual di Malaysia ditukarkan kepada kadar mata wang asing + <i>mark up</i> 10% hingga 30% bergantung kepada jenis pameran/ pesta buku dan keadaan semasa.	
		2) Diskaun 30% kepada pengedar dan 10% individu.	2) Diskaun kepada pengedar atau individu adalah sebanyak 10% hingga 30% bergantung kepada jenis pameran/ pesta buku dan keadaan semasa.	
7	<b>Dasar dan Kadar Bayaran Kerja-Kerja Penerbitan buku</b>			Lampiran G
	a) <b>Penilaian buku</b>	1) Kadar: RM 500.00 – RM1,000.00  2) Perincian: a) Insentif asas penilaian: RM500.00  b) Ketebalan manuskrip asas langkau dua baris saiz A4:  i. < 200 halaman bertaip = tiada tambahan  ii. > 201 - 400 halaman bertaip = ditambah RM 100.00	1) Kadar: RM 200.00 – RM 400.00  2) Perincian: a) Insentif asas penilaian: RM200  b) <b>DIGUGURKAN.</b> Digugurkan kerana kadar bayaran penilaian tidak bergantung kepada ketebalan manuskrip.  c) Perincian liputan / komen: i. Tahap biasa = tiada tambahan ii. Tahap sederhana = ditambah RM100.00	

Bil.	Perkara	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru	Perincian Pindaan
		iii. > 401 halaman = ditambah RM300.00  c) Perincian liputan / komen: i. Tahap biasa = tiada tambahan ii. Tahap sederhana = ditambah RM100.00 - RM200.00 iii. Tahap lengkap = ditambah RM300.00	iii. Tahap lengkap = ditambah RM200.00  d) <i>Pindaan ini dilakukan kerana mengikut amalan semasa dan berdasarkan kepada perbandingan dengan Penerbit lain (Lampiran A No 8).</i>  3) Kadar bayaran ini untuk penilai luar UPSI dan dalam UPSI bagi buku karya asli sahaja.	
	<b>b) Penyuntingan buku</b>	1) Keterangan: a) Karya asli b) Buku pengajian tinggi dan umum dewasa  2) Kadar: a) RM 5.00 – RM 10.00 per halaman  3) Perincian: a) Teks teknikal = RM 10.00 b) Teks semi teknikal = RM 7.50 c) Teks padat sains sosial = RM 5.00	1) Keterangan: a) Karya asli (tidak bercetak) b) <i>POD</i> (bercetak dan tidak bercetak)  2) Kadar: a) KEKAL  3) Perincian: a) KEKAL b) KEKAL c) KEKAL	
	<b>c) Terjemahan buku</b>	1) Keterangan: Buku pengajian tinggi Tingkatan 6  2) Kadar: RM 0.10 maksimum per perkataan buku asal	<b>DIGUGURKAN</b> (Kadar terjemahan akan diseragamkan dengan mengguna pakai kadar terjemahan pada Lampiran D)	
	<b>d) Pruf buku</b>	1) Keterangan: Buku pengajian tinggi Tingkatan 6  2) Kadar: RM 2.50 per halaman	<b>DIGUGURKAN</b> (Kadar pruf buku akan diseragamkan dengan mengguna pakai kadar pruf pada Lampiran D)	
	<b>e) Atur huruf buku (type setting)</b>	RM 0.25 – RM 0.45 satu inci persegi	1) Teks teknikal: RM 15.00 per halaman 2) Teks semi teknikal: RM 10.00 per halaman 3) Teks padat sains sosial: RM 5.00 per halaman	
	<b>f) Rekaan kulit buku</b>	Tiada	1) Tahap reka bentuk asas: RM300.00	

Bil.	Perkara	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru	Perincian Pindaan
			2) Tahap reka bentuk pertengahan: RM400.00 3) Tahap reka bentuk profesional: RM500.00	
	<b>g) Penaipan buku</b>	1) Keterangan: a) Biasa  2) Kadar: a) RM 2.00 – RM 3.00 per halaman  3) Perincian: a) RM 2.00 untuk teks sastera dan bahasa  b) RM3.00 untuk sains, matematik dan lain-lain bersifat teknikal serta mengandungi simbol dan formula	1) Keterangan: a) Karya Asli b) <i>POD</i>  2) Kadar: a) RM 3.00 – RM 5.00 per halaman  3) Perincian: a) RM 3.00 untuk teks sastera dan bahasa  b) RM 5.00 untuk sains, matematik dan lain-lain bersifat teknikal serta mengandungi simbol dan formula	
	<b>h) Penulisan buku</b>	1) Keterangan: a) Royalti buku: 20%	<b>DIGUGURKAN</b> (Perkhidmatan ini adalah mengikut kepada kadar dan kaedah bayaran royalti bagi buku bercetak dan elektronik ( <i>E-book</i> ) pada Lampiran B dan E)	
	<b>i) Pendigitalan buku kepada <i>E-book</i></b>	Tiada	1) Keterangan: a) Karya Asli b) <i>POD</i>  2) Kadar dan perincian pendigitalan <i>E-book</i> : a) <i>Epub Reflowable</i> : RM 1.50 per halaman  b) <i>Epub Fixed Layout</i> : RM150.00 per buku	
	<b>j) Bayaran upah pembaca <i>Audiobook</i> (<i>Narrator</i>)</b>	Tiada	RM 100.00 per 10,000 perkataan (RM 0.01 per 1 perkataan)	
	<b>k) Bayaran upah ilustrator dan pelukis bebas buku</b>	Tiada	1) Ilustrator/ pelukis amatur ( <i>freelance</i> ):  a) <b>Maksimum RM 50.00 per lukisan bersaiz A4 berwarna</b> (termasuk <i>sketching</i> , pewarnaan, <i>background setting</i> dan ciptaan watak secara	

Bil.	Perkara	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru	Perincian Pindaan
			<p>lukisan digital atau lukisan tangan)</p> <p>b) <b>Maksimum RM 25.00 per lukisan bersaiz separuh A4 berwarna</b> (termasuk <i>sketching</i>, pewarnaan, <i>background setting</i> dan ciptaan watak secara lukisan digital atau lukisan tangan)</p> <p>c) <b>Maksimum RM 500.00 per buku</b></p> <p>d) Penetapan bayaran upah adalah melalui rundingan bergantung kepada latar belakang/ kategori ilustrator/ pelukis, kualiti lukisan, kuantiti lukisan dan saiz lukisan asalkan tidak melebihi had bayaran upah maksimum.</p> <p>ii. Ilustrator profesional (<i>freelance</i>) dan Syarikat:</p> <p>(1) <b>Maksimum RM 100.00 per lukisan bersaiz A4 berwarna</b> (termasuk <i>sketching</i>, pewarnaan, <i>background setting</i> dan ciptaan watak, secara lukisan digital atau lukisan tangan)</p> <p>(2) <b>Maksimum RM 50.00 per lukisan bersaiz separuh A4 berwarna</b> (termasuk <i>sketching</i>, pewarnaan, <i>background setting</i> dan ciptaan watak secara lukisan digital atau lukisan tangan)</p> <p>(3) <b>Maksimum RM 800.00 per buku</b></p> <p>(4) Penetapan bayaran upah adalah melalui rundingan bergantung kepada latar belakang/</p>	

Bil.	Perkara	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru	Perincian Pindaan
			kategori ilustrator/ pelukis/ syarikat, kualiti lukisan, kuantiti lukisan dan saiz lukisan asalkan tidak melebihi had bayaran upah maksimum.	
8	<p data-bbox="367 548 595 582"><b>Dasar dan Kadar Bayaran Penerbitan Atas Talian Jurnal UPSI</b></p> <p data-bbox="367 616 595 683"><b>a) Jenis Penerbitan</b></p> <p data-bbox="367 817 595 884"><b>b) Kadar bayaran</b></p>	<p data-bbox="611 616 941 649">Tiada</p> <p data-bbox="611 817 941 851">Tiada</p>	<p data-bbox="957 616 1340 795">1) Penerbitan atas talian Isu Biasa dan Isu Khas bagi jurnal berindeks Scopus 2) Penerbitan atas talian Isu Khas bagi jurnal berwasit.</p> <p data-bbox="957 817 1340 1456">1) Kadar bayaran bagi <b>Penerbitan Isu Biasa dan Isu Khas</b> bagi Jurnal Berindeks Scopus: a) RM 300.00 (local) atau 80 USD (overseas) per artikel, atau b) RM 500.00 (local) atau 150 USD (overseas) per artikel, atau c) RM 1000.00 (local) atau 250 USD (overseas) per artikel, atau d) RM 2,000.00 (local) atau 500 USD (overseas) per artikel, atau e) RM 3,000.00 (local) atau 800 USD (overseas) per artikel</p> <p data-bbox="957 1523 1340 2027">2) Kadar bayaran bagi <b>Penerbitan Isu Khas</b> bagi Jurnal Berwasit: a) RM 100.00 (local) atau 30 USD (overseas) per artikel, atau b) RM 200.00 (local) atau 50 USD (overseas) per artikel, atau c) RM 300.00 (local) atau 80 USD (overseas) per artikel, atau d) RM 500.00 (local) atau 150 USD (overseas) per artikel, atau</p>	<p data-bbox="1356 548 1495 616">Lampiran H</p>

Bil.	Perkara	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru	Perincian Pindaan
			<p>e) RM 800.00 (local) atau 200 USD (overseas) per artikel</p> <p>3) Pemilihan kadar bayaran:</p> <p>a) Penerbitan Jurnal Isu Biasa:</p> <p>Pemilihan kadar bayaran tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Penerbitan Universiti (JP-UPSI)</p> <p>b) Penerbitan Jurnal Isu Khas:</p> <p>Pemilihan kadar bayaran tertakluk kepada kelulusan JP-UPSI dan persetujuan bersama antara sidang editor jurnal dan penganjur persidangan/ institusi</p> <p>c) Kadar bayaran ini adalah pilihan. Jurnal boleh memilih sebagai jurnal tidak berbayar atau berbayar tertakluk kepada kelulusan JP-UPSI.</p>	
	<p><b>c) Agihan pendapatan</b></p>	<p>Tiada</p>	<p>1) Agihan pendapatan <b>penerbitan isu biasa:</b></p> <p>a) Akaun Amanah Jurnal: 50%</p> <p>b) UPSI: 10%</p> <p>c) PKM: 30%</p> <p>d) Fakulti/ PTJ: 10%</p> <p>2) Agihan pendapatan <b>penerbitan isu khas:</b></p> <p>a) Akaun Amanah Jurnal: 30%</p> <p>b) UPSI: 10%</p> <p>c) PKM: 30%</p> <p>d) Fakulti/ PTJ: 10%</p> <p>e) Saguhati sidang editor: 20%</p>	
	<p><b>d) Bayaran saguhati kepada sidang editor</b></p>	<p>Tiada</p>	<p>1) Bayaran saguhati terhad kepada penerbitan Isu Khas berbayar sahaja.</p> <p>2) Bayaran saguhati adalah sebanyak 20% daripada jumlah keseluruhan pendapatan penerbitan</p>	

Bil.	Perkara	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru	Perincian Pindaan
			jurnal isu khas berbayar tersebut.  3) Bayaran akan dibuat kepada ketua editor. Ketua editor bertanggungjawab untuk membuat agihan kepada sidang editor mengikut kesesuaian dan beban kerja dengan perakuan daripada Dekan Fakulti/ Ketua PTJ.	
	<b>e) Jumlah artikel</b>	Tiada	8 hingga 25 artikel per isu	
	<b>f) Garis panduan</b>	Tiada	Perincian garis panduan dan prosedur penerbitan jurnal atas talian berbayar adalah seperti pada Lampiran O.	

## 5.0 CADANGAN PELAKSANAAN

5.1 Perincian cadangan pelaksanaan dasar dan contoh pengiraan kadar adalah seperti pada **Lampiran I** hingga **Lampiran O** berikut:

- 5.1.1 Kadar dan kaedah bayaran royalti bagi buku bercetak atau secara elektronik (*E-book* dan *Audiobook*). – **Lampiran I**
- 5.1.2 Kadar diskaun jualan buku karya asli. – **Lampiran J**
- 5.1.3 Kadar bayaran perkhidmatan terjemahan, penyuntingan dan pembacaan prof. – **Lampiran K**
- 5.1.4 Dasar penerbitan buku elektronik (*E-book* dan *Audiobook*) bagi buku karya asli. – **Lampiran L**
- 5.1.5 Penetapan dan pembahagian naskhah seranta, penetapan harga buku bercetak dan elektronik karya asli, buku *Publication on Demand (POD)* dan harga buku di pameran/ jualan buku di luar negara. – **Lampiran M**
- 5.1.6 Dasar dan kadar bayaran kerja-kerja penerbitan buku – **Lampiran N**
- 5.1.7 Dasar dan kadar bayaran penerbitan atas talian Jurnal UPSI – **Lampiran O**

**PERINCIAN PINDAAN KADAR DAN KAEDAH BAYARAN ROYALTI BAGI BUKU BERCETAK ATAU SECARA ELEKTRONIK (E-BOOK DAN AUDIOBOOK) TERBITAN PEJABAT KARANG MENGARANG**

**1. BUKU BERCETAK**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Sedia Ada</b>	<b>Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru</b>
1	<b>Kadar Bayaran</b>	1) 16% daripada harga buku cetakan pertama dan edisi  2) 16% daripada harga diskaun buku semasa jualan cetakan kedua dan seterusnya	1) 16% daripada hasil pendapatan jualan buku selepas diskaun (jika ada) bagi judul yang dibangunkan sendiri oleh penulis bagi buku cetakan pertama dan ulang cetak  2) 16% daripada hasil pendapatan jualan buku selepas diskaun (jika ada) bagi buku pembinaan judul melalui kerjasama PKM dan penulis yang <b>TIADA</b> melibatkan peruntukan kewangan daripada PKM bagi buku cetakan pertama dan ulang cetak  3) 10% daripada hasil pendapatan jualan buku selepas diskaun (jika ada) bagi buku pembinaan judul melalui kerjasama PKM dan penulis yang <b>ADA</b> melibatkan peruntukan kewangan daripada PKM/ UPSI bagi buku cetakan pertama dan ulang cetak  4) Pembayaran royalti bagi buku <b>terbitan bersama</b> PKM dan agensi adalah tertakluk kepada Memorandum Persefahaman dengan agensi tersebut atau persetujuan bersama.  5) <b>Tiada pembayaran</b> royalti bagi buku yang tidak terjual setelah kaedah jualan harga runtuh / jualan gudang dan pelupusan dilaksanakan.  6) Kadar bayaran ini akan diguna pakai untuk semua buku bercetak yang belum dibayar royalti.
2	<b>Kaedah Bayaran</b>	1) Cetakan pertama / ulang cetak / edisi dibayar mengikut naskhah terjual  2) Dibayar <b>DUA (2)</b> kali setahun iaitu Jun dan Disember	a) Royalti bagi cetakan pertama / ulang cetak / edisi dibayar mengikut hasil pendapatan jualan buku selepas diskaun (jika ada).  b) Bayaran <b>SATU (1)</b> kali setahun



Bil	Perkara	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru
			c) Kaedah bayaran ini akan diguna pakai untuk semua buku bercetak yang belum dibayar royalti.
3	<b>Pembahagian Pembayaran Royalti</b>	<p>Pembahagian pembayaran royalti kepada:</p> <p><b>1) Seorang Penulis</b> a) Royalti keseluruhan yang diperolehi adalah menjadi hak milik tunggal.</p> <p><b>2) Dua Orang Penulis:</b> a) Royalti yang diperolehi dibahagikan kepada <b>DUA (2)</b> orang penulis.</p> <p><b>3) Penulis Bersama:</b> a) Bahagian penyunting / editor ialah sebanyak 25% b) Bahagian penulis bersama sebanyak 75% dan dibahagikan kepada <b>bilangan</b> penulis yang ada</p>	<p>Pembahagian pembayaran royalti kepada:</p> <p><b>1) Seorang Penulis</b> a) KEKAL</p> <p><b>2) Dua Orang Penulis:</b> a) Royalti yang diperolehi dibahagikan kepada <b>DUA (2)</b> penulis dan <b>mengikut peratus pembahagian yang telah dipersetujui</b> antara penulis.</p> <p><b>3) Penulis Bersama:</b> a) KEKAL b) Bahagian penulis bersama sebanyak 75% dan dibahagikan kepada <b>bilangan</b> penulis yang ada dan <b>mengikut peratus pembahagian yang telah dipersetujui</b> antara penulis</p>

2. BUKU DIGITAL/ ELEKTRONIK (*E-BOOK* DAN *AUDIOBOOK*)

Bil	Perkara	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru
1	<b>Kadar Bayaran</b>	16% daripada harga jualan <i>E-book</i>	<p>a) 16% daripada pendapatan jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> yang diterima (hasil jualan melalui agregator dan jualan oleh PKM) bagi buku yang dibangunkan sendiri oleh penulis.</p> <p>b) 16% daripada pendapatan jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> yang diterima (hasil jualan melalui agregator dan jualan oleh PKM) bagi buku yang dibangunkan melalui kerjasama PKM dan penulis yang <b>TIADA</b> melibatkan peruntukan kewangan daripada PKM/Universiti.</p> <p>c) 10% daripada pendapatan jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> yang diterima (hasil jualan melalui agregator dan jualan oleh PKM) bagi buku yang dibangunkan melalui kerjasama PKM dan penulis yang <b>ADA</b> melibatkan peruntukan kewangan daripada PKM/Universiti.</p> <p>d) Pembayaran royalti bagi buku <b>terbitan bersama</b> Pejabat Karang Mengarang dan agensi adalah tertakluk kepada Memorandum Persefahaman dengan agensi tersebut atau persetujuan bersama.</p> <p>e) Kadar bayaran ini akan diguna pakai untuk semua buku elektronik yang belum dibayar royalti.</p>
2	<b>Kaedah Bayaran</b>	1) Dibayar sekali dalam setahun	<p>a) KEKAL</p> <p>b) Royalti tetap dibayar bagi <i>E-book</i> atau <i>Audiobook</i> yang diterbitkan selagi hasil jualan diperolehi.</p> <p>c) Kaedah bayaran ini akan diguna pakai untuk semua buku elektronik yang belum dibayar royalti.</p>

## PERINCIAN PINDAAN KADAR DISKAUN JUALAN BUKU TERBITAN PEJABAT KARANG MENGARANG

Sedia Ada			Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru		
Jenis Buku	Jenis Pelanggan / Jualan	Diskaun	Jenis Buku	Jenis Pelanggan / Jualan	Diskaun
1) Buku Baru	a) Pelajar	15%	1) Buku Baru dan Sedia Ada	a) Pelajar UPSI	20%
	b) Penulis	30%		b) KEKAL	KEKAL
	c) Pengedar Biasa	40%		c) KEKAL	KEKAL
	d) Pengedar (Tender Khas, Perpustakaan Negara Malaysia)	50%		d) Pengedar (Tender Khas Perpustakaan)	40%
	e) Pensyarah/ Kakitangan UPSI	20%		e) Pensyarah/ Kakitangan UPSI/ Alumni UPSI	20%
	f) Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)	20%		f) DIGUGURKAN	DIGUGURKAN
	g) Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) yang Menjual Buku Penerbit UPSI Di Galeri Setiap Penerbit	40%		g) Kedai Buku Penerbit Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)	40%
	h) Ahli Jawatankuasa Penerbitan UPSI (JP-UPSI) – Sebuah Buku Bagi Setiap Judul	50%		h) DIGUGURKAN	DIGUGURKAN
	i) Jualan Promosi/ Jualan Semasa Pameran/ Pesta Buku	20%		i) Jualan Promosi/ Jualan Semasa Pameran/ Pesta Buku (secara fizikal dan online)	30 - 40% (Bergantung kepada jenis promosi semasa pameran / jualan/ Pesta Buku)
	j) Buku-Buku yang Tidak Terjual yang Melebihi 5 Tahun Selepas Diterbitkan	70%		j) DIGUGURKAN (Rujuk Kategori Buku yang Tidak Terjual)	DIGUGURKAN (Rujuk Kategori Buku yang Tidak Terjual)
			k) Pengedar (Penulis) (Minimum pembelian 100 naskah)	40%	

Sedia Ada			Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru		
Jenis Buku	Jenis Pelanggan / Jualan	Diskaun	Jenis Buku	Jenis Pelanggan / Jualan	Diskaun
				l) Pelanggan yang membuat pembelian secara atas talian ( <i>Online</i> ) melalui platform UPSI dan platform luar seperti Lazada dan Shopee	20 - 40% (Bergantung kepada jenis promosi platform tersebut)
				m) Pelanggan yang menggunakan baucar buku	20%
				n) Jualan Pra-Pesanan ( <i>Preorder</i> ) bagi buku-buku baru yang diterbitkan secara khas	30%
				o) Ejen Pemasar Pesan Hantar ( <i>Dropshiper/ Reseller</i> )	30%
				p) Pengedar Buku Popular – MPH, Popular, Kinokuniya dan lain-lain	45 - 60% (Bergantung kepada MoA dengan Pengedar Buku Popular)
<b>2) Buku Sedia Ada</b>	a) Pelajar	15%		DIGUGURKAN (Diskaun buku baru dan sedia ada diseragamkan)	
	b) Pengedar Biasa	40%		DIGUGURKAN (Diskaun buku baru dan sedia ada diseragamkan)	
			<b>2) Buku Tidak Terjual</b>	<b>a) Jualan Murah</b> Jualan murah bagi kriteria buku berikut: 1) Buku-buku yang tidak diulang cetak selepas 5 tahun pertama diterbitkan. 2) Buku-buku yang tidak diulang cetak selepas 3 tahun dari tahun akhir cetakan (ulang cetak).	60%

Sedia Ada			Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru		
Jenis Buku	Jenis Pelanggan / Jualan	Diskaun	Jenis Buku	Jenis Pelanggan / Jualan	Diskaun
				<b>b) Jualan Runtuh</b>  <b>Jualan Runtuh</b> seperti program <i>Big Bad Wolf</i> (BBW) bagi kriteria buku berikut: 1) Buku-buku yang tidak diulang cetak selepas <b>7</b> tahun pertama diterbitkan. 2) Buku-buku yang tidak diulang cetak selepas <b>5</b> tahun dari tahun akhir cetakan (ulang cetak).  <b>Tiada pembayaran royalti</b> bagi buku yang dijual dengan kaedah jualan runtuh.	70 - 90%
				<b>c) Jualan gudang</b>  Kaedah jualan gudang bagi kriteria buku berikut: 1) Buku-buku yang tidak diulang cetak selepas <b>10</b> tahun pertama diterbitkan. 2) Buku-buku yang tidak diulang cetak selepas <b>8</b> tahun dari tahun akhir cetakan (ulang cetak).  <b>Tiada pembayaran royalti</b> bagi buku yang dijual dengan kaedah jualan gudang.	95%

Sedia Ada			Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru		
Jenis Buku	Jenis Pelanggan / Jualan	Diskaun	Jenis Buku	Jenis Pelanggan / Jualan	Diskaun
				<p><b>d) Pelupusan</b></p> <p>Kaedah <b>pelupusan</b> bagi buku-buku yang masih tidak terjual selepas pelaksanaan kaedah jualan gudang selama setahun.</p> <p><b>Tiada pembayaran royalti</b> bagi buku yang telah melalui kaedah pelupusan.</p>	<p>Kaedah pelupusan adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Edaran secara <b>percuma</b> kepada organisasi yang tidak berkepentingan.</li> <li>2) Pelupusan buku sekiranya <b>tiada</b> organisasi yang berminat.</li> </ol>
			<p><b>3) Buku elektronik (E-book dan Audiobook)</b></p>	<p>Kadar diskaun bagi buku elektronik (<i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i>) yang dijual sendiri oleh PKM (tidak melalui aggregator) boleh menggunakan kadar diskaun seperti buku bercetak mengikut kesesuaian.</p>	

**PERINCIAN PINDAAN KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN TERJEMAHAN, PENYUNTINGAN DAN PEMBACAAN PRUF PEJABAT KARANG  
MENGARANG**

<b>Bil</b>	<b>Perkhidmatan</b>	<b>Sedia Ada</b>	<b>Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru</b>
1	<b>Penyuntingan</b>	1) Jenis Perkhidmatan: i. Buku - 1 – 200 Muka Surat (30 Hari)  ii. Artikel Jurnal - 1 – 10 Muka Surat (4 Hari)  iii. Abstrak - 300 Patah Perkataan (2 Hari)  iv. Risalah / Brosur / Sijil / Borang - 300 Patah Perkataan (2 Hari)  2) Kadar: - RM0.10 Setiap Perkataan (BM – BI) - RM0.10 Setiap Perkataan (BI – BM)	1) Jenis Perkhidmatan <b>(BM – BI / BI – BM)</b> : RM0.20 setiap perkataan (bilangan muka surat tiada had dan tempoh mengikut jenis serta keperluan terjemahan)  2) Jenis Perkhidmatan <b>(BI / BM – Bahasa Asing)</b> : RM0.40 setiap perkataan (Bilangan muka surat tiada had dan tempoh mengikut jenis serta keperluan terjemahan)  3) Kadar ini adalah sama bagi semua jenis bahan suntingan seperti buku, tesis, artikel jurnal, artikel prosiding, abstrak, risalah, brosur, sijil dan royalti.
2	<b>Terjemahan</b>	1) Jenis Perkhidmatan: i. Terjemahan Buku - 1 – 200 Muka Surat (30 Hari)  ii. Artikel Jurnal - 1 – 10 Muka Surat (4 Hari)  iii. Abstrak - 300 Patah Perkataan (2 Hari)  iv. Risalah / Brosur / Sijil / Borang - 300 Patah Perkataan (2 Hari)  2) Kadar: - RM0.10 Setiap Perkataan (BM – BI) - RM0.12 Setiap Perkataan (BI – BM)	1) Jenis Perkhidmatan <b>(BM – BI / BI – BM)</b> : RM0.20 setiap perkataan (Bilangan muka surat tiada had dan tempoh mengikut jenis serta keperluan terjemahan)  2) Jenis Perkhidmatan <b>(BI / BM – Bahasa Asing)</b> : RM0.40 sen setiap perkataan (Bilangan muka surat tiada had dan tempoh mengikut jenis serta keperluan terjemahan)  3) Kadar ini adalah sama bagi semua jenis bahan terjemahan seperti buku, tesis, artikel jurnal, artikel prosiding, abstrak, risalah, brosur, sijil dan royalti.

Bil	Perkhidmatan	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru
3	Pruf	1) Jenis Perkhidmatan Dan Kadar:  i. Buku - 1 – 200 Muka Surat (30 Hari) - RM4.00 Setiap 100 Patah Perkataan  ii. Artikel Jurnal - 1 – 10 Muka Surat (4 Hari) - RM80.00 Setiap 200 Patah Perkataan  iii. Abstrak - 300 Patah Perkataan (2 Hari) - RM50.00 Setiap 300 Patah Perkataan  iv. Risalah / Brosur / Sijil / Borang - 300 Patah Perkataan (2 Hari) - RM80.00 Setiap 300 Patah Perkataan	1) Jenis Perkhidmatan Dan Kadar:  i. Buku / Tesis - RM5.00 setiap 1000 perkataan (bilangan muka surat tiada had dan tempoh mengikut jenis serta keperluan terjemahan)  ii. Artikel Jurnal - RM85.00 setiap 200 perkataan (bilangan muka surat tiada had dan tempoh mengikut jenis serta keperluan terjemahan)  iii. Abstrak - RM55.00 setiap 300 perkataan (bilangan muka surat tiada had dan tempoh mengikut jenis serta keperluan terjemahan)  iv. Risalah / Brosur / Sijil / Borang - RM85.00 setiap 300 perkataan (bilangan muka surat tiada had dan tempoh mengikut jenis dan keperluan terjemahan)
4	Kadar bayaran perkhidmatan penterjemah bebas	PKM akan mengambil 25% keuntungan daripada pembayaran kepada penterjemah bebas.	PKM akan mengambil 5% atau 15% keuntungan daripada pembayaran kepada penterjemah bebas:  i. Penterjemah yang memperolehi sijil terjemahan yang dibiayai sendiri: 5%  ii. Penterjemah yang memperolehi sijil terjemahan yang dibiayai oleh PKM/ UPSI: 15%



PERINCIAN PINDAAN DASAR PENERBITAN BUKU ELEKTRONIK (*E-BOOK* DAN *AUDIOBOOK*) PEJABAT KARANG MENGARANG UPSI

Bil	Perkara	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru												
1	<b>Pemilihan Judul</b>	Pemilihan judul <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> adalah buku terbitan PKM sahaja.	<p>1) Judul Buku Karya Asli (terpilih) <b>terbitan tunggal</b> PKM yang mempunyai kriteria berikut akan diterbitkan secara <i>E-book</i> dan/atau <i>Audiobook</i>:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Judul yang mempunyai <i>softcopy</i> yang boleh diterbitkan secara <i>E-book</i> atau/dan <i>Audiobook</i>.</li> <li>ii. Judul yang tidak mempunyai kandungan yang sukar diterbitkan secara <i>E-book</i> atau/dan <i>Audiobook</i> seperti masalah simbol, imej dan sebagainya.</li> </ul> <p>2) Pemilihan judul bagi Judul Buku Karya Asli <b>terbitan bersama</b> PKM dan agensi adalah tertakluk kepada Memorandum Persefahaman dengan agensi tersebut atau persetujuan bersama.</p>												
2	<b>Harga Langganan</b>	<p>Harga langganan <i>E-book</i> adalah seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Perpustakaan</th> <th>Organisasi</th> <th>Individu</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Harga runcit <i>E-book</i> dua kali ganda daripada buku fizikal</td> <td>Harga runcit <i>E-book</i> dua kali ganda daripada buku fizikal</td> <td>20% lebih murah dari harga runcit buku fizikal</td> </tr> </tbody> </table>	Perpustakaan	Organisasi	Individu	Harga runcit <i>E-book</i> dua kali ganda daripada buku fizikal	Harga runcit <i>E-book</i> dua kali ganda daripada buku fizikal	20% lebih murah dari harga runcit buku fizikal	<p>Harga langganan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> adalah seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Perpustakaan</th> <th>Organisasi</th> <th>Individu</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Harga jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> dua kali ganda daripada harga <i>E-book/ Audiobook</i> yang ditetapkan.</td> <td>Harga jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> dua kali ganda daripada harga <i>E-book/ Audiobook</i> yang ditetapkan.</td> <td>Harga jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> adalah bergantung kepada diskaun yang bersesuaian (Rujuk Lampiran C)</td> </tr> </tbody> </table>	Perpustakaan	Organisasi	Individu	Harga jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> dua kali ganda daripada harga <i>E-book/ Audiobook</i> yang ditetapkan.	Harga jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> dua kali ganda daripada harga <i>E-book/ Audiobook</i> yang ditetapkan.	Harga jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> adalah bergantung kepada diskaun yang bersesuaian (Rujuk Lampiran C)
Perpustakaan	Organisasi	Individu													
Harga runcit <i>E-book</i> dua kali ganda daripada buku fizikal	Harga runcit <i>E-book</i> dua kali ganda daripada buku fizikal	20% lebih murah dari harga runcit buku fizikal													
Perpustakaan	Organisasi	Individu													
Harga jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> dua kali ganda daripada harga <i>E-book/ Audiobook</i> yang ditetapkan.	Harga jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> dua kali ganda daripada harga <i>E-book/ Audiobook</i> yang ditetapkan.	Harga jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> adalah bergantung kepada diskaun yang bersesuaian (Rujuk Lampiran C)													
3	<b>Surat Persetujuan Penerbitan <i>E-book</i></b>	Surat persetujuan penerbitan <i>E-book</i> dengan penulis akan dibuat bagi persetujuan penerbitan <i>E-book</i> meliputi royalti yang akan diterima.	Penerbitan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> ini hanya melibatkan buku-buku karya asli sahaja (terpilih) yang merupakan hakcipta / hakmilik PKM dan tidak perlu mendapat kebenaran daripada penulis tetapi penulis akan dimaklumkan sekiranya buku mereka terpilih untuk diterbitkan secara <i>E-book</i> atau <i>Audiobook</i> .												

Bil	Perkara	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru																																				
4	<b>Royalti</b>	Royalti kepada penulis sebanyak 16% daripada harga jualan <i>E-book</i> dan akan dibayar sekali dalam setahun	Royalti kepada penulis sebanyak 10% atau 16% daripada pendapatan jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> yang diterima (hasil jualan melalui aggregator dan jualan oleh PKM).																																				
5	<b>Pembahagian Pendapatan Harga Langganan <i>E-book</i></b>	<table border="1"> <thead> <tr> <th colspan="3">SEDIA ADA</th> </tr> <tr> <th>Pembahagian Harga Langganan <i>E-book</i></th> <th colspan="2">Peratusan (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>UPSI</td> <td>Pendapatan: 70%</td> <td>UPSI: 10% Penulis: 16% Akaun Amanah PKM: 54%</td> </tr> <tr> <td>Syarikat Agregator</td> <td colspan="2">30%</td> </tr> </tbody> </table>	SEDIA ADA			Pembahagian Harga Langganan <i>E-book</i>	Peratusan (%)		UPSI	Pendapatan: 70%	UPSI: 10% Penulis: 16% Akaun Amanah PKM: 54%	Syarikat Agregator	30%		<table border="1"> <thead> <tr> <th colspan="3">CADANGAN PINDAAN</th> </tr> <tr> <th>Pembahagian Pendapatan Jualan/ Langganan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i></th> <th colspan="2">Peratusan (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="4">UPSI</td> <td rowspan="2">Pendapatan Hasil Jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i>/ Selepas Ditolak dengan Agihan Pendapatan Syarikat Agregator</td> <td>1. Buku yang dibangunkan sendiri oleh penulis <b>DAN</b></td> </tr> <tr> <td>2. Buku yang dibina melalui kerjasama PKM dan penulis tetapi <b>TIDAK</b> melibatkan peruntukan kewangan daripada PKM</td> </tr> <tr> <td>Penulis</td> <td>16%</td> </tr> <tr> <td>Akaun Amanah Buku</td> <td>84%</td> </tr> <tr> <td rowspan="3">Syarikat Agregator</td> <td rowspan="2">Pendapatan Hasil Jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i>/ Selepas Ditolak dengan Agihan Pendapatan Syarikat Agregator</td> <td>3. Buku yang dibina melalui kerjasama PKM dan penulis serta melibatkan peruntukan kewangan daripada PKM</td> </tr> <tr> <td>Penulis</td> <td>10%</td> </tr> <tr> <td>Akaun Amanah Buku</td> <td>90%</td> </tr> <tr> <td>Syarikat Agregator</td> <td colspan="2">Mengikut Memorandum atau Perjanjian Penerbitan di antara UPSI dengan Syarikat Agregator</td> </tr> </tbody> </table>	CADANGAN PINDAAN			Pembahagian Pendapatan Jualan/ Langganan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i>	Peratusan (%)		UPSI	Pendapatan Hasil Jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> / Selepas Ditolak dengan Agihan Pendapatan Syarikat Agregator	1. Buku yang dibangunkan sendiri oleh penulis <b>DAN</b>	2. Buku yang dibina melalui kerjasama PKM dan penulis tetapi <b>TIDAK</b> melibatkan peruntukan kewangan daripada PKM	Penulis	16%	Akaun Amanah Buku	84%	Syarikat Agregator	Pendapatan Hasil Jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> / Selepas Ditolak dengan Agihan Pendapatan Syarikat Agregator	3. Buku yang dibina melalui kerjasama PKM dan penulis serta melibatkan peruntukan kewangan daripada PKM	Penulis	10%	Akaun Amanah Buku	90%	Syarikat Agregator	Mengikut Memorandum atau Perjanjian Penerbitan di antara UPSI dengan Syarikat Agregator	
SEDIA ADA																																							
Pembahagian Harga Langganan <i>E-book</i>	Peratusan (%)																																						
UPSI	Pendapatan: 70%	UPSI: 10% Penulis: 16% Akaun Amanah PKM: 54%																																					
Syarikat Agregator	30%																																						
CADANGAN PINDAAN																																							
Pembahagian Pendapatan Jualan/ Langganan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i>	Peratusan (%)																																						
UPSI	Pendapatan Hasil Jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> / Selepas Ditolak dengan Agihan Pendapatan Syarikat Agregator	1. Buku yang dibangunkan sendiri oleh penulis <b>DAN</b>																																					
		2. Buku yang dibina melalui kerjasama PKM dan penulis tetapi <b>TIDAK</b> melibatkan peruntukan kewangan daripada PKM																																					
	Penulis	16%																																					
	Akaun Amanah Buku	84%																																					
Syarikat Agregator	Pendapatan Hasil Jualan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> / Selepas Ditolak dengan Agihan Pendapatan Syarikat Agregator	3. Buku yang dibina melalui kerjasama PKM dan penulis serta melibatkan peruntukan kewangan daripada PKM																																					
		Penulis	10%																																				
	Akaun Amanah Buku	90%																																					
Syarikat Agregator	Mengikut Memorandum atau Perjanjian Penerbitan di antara UPSI dengan Syarikat Agregator																																						

Bil	Perkara	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru
6	<b>Akaun Amanah</b>	Satu Akaun Amanah akan dibuka untuk semua hasil jualan buku <i>E-book</i> bagi tujuan kutipan duit buku, bayaran royalti, pengurusan pentadbiran dan penyelarasan.	Satu Akaun Amanah akan dibuka untuk setiap buku <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> bagi tujuan kutipan hasil jualan buku dan bayaran royalti.
7	<b>Hak Cipta</b>	Hak cipta adalah milik UPSI bagi penerbitan <i>E-book</i> .	Hak cipta adalah milik UPSI bagi penerbitan <i>E-book</i> dan <i>Audiobook</i> .
8	<b>Pembahagian Keuntungan</b>	Pembahagian keuntungan PKM dengan Syarikat Agregator adalah berdasarkan kepada memorandum atau perjanjian penerbitan antara pihak UPSI dengan Syarikat Agregator.	<b>KEKAL</b>

**PERINCIAN PINDAAN PENETAPAN NASKHAH SERANTA, HARGA BUKU KARYA ASLI DAN *PUBLICATION ON DEMAND (POD)*, HARGA BUKU DAN DISKAUN DI PESTA BUKU LUAR NEGARA**

**1. Naskhah Seranta**

Bil	Perkara	Sedia Ada	Cadangan Pindaan/ Cadangan Baru												
